

Warga emas rogol anak tiri kena 20 tahun

Berita HARIAN
14/08/2019
M/S 17

Kota Tinggi: Seorang warga emas dijatuhi hukuman penjara 20 tahun dan 10 sebatan oleh Mahkamah Sesyen, di sini kerana merogol anak tirinya yang berusia sembilan tahun selepas menjemputnya pulang dari sekolah, Mac lalu.

Hakim Zahilah Mohammad Yusoff menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh yang berusia 62 tahun semalam, selepas dia mengaku bersalah ketika pendakwaan dilakukan di mahkamah sama 23 Mei lalu.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang bekerja sebagai tukang rumah didakwa melakukan persetujuan yang tidak dibenarkan di bawah undang-undang atau hukum agama yang terpakai untuk tertuduh berkahwin dengan mangsa.

Bagi perbuatan itu, tertuduh

didakwa mengikut Seksyen 376B(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 30 tahun dan hendaklah dikenakan sebatan.

Prosiding pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Qaiyyum Ramlan yang memohon hukuman berat dikenakan ke atas tertuduh berikutan mangsa bukan sahaja masih berusia sembilan tahun, malah mengalami trauma dan disahkan pakar perubatan menerima kesakitan yang teramat kerana dirogol serta dilawat.

Menurutnya, sebagai bapa tiri sepatutnya mangsa disayang, dilindungi dan diberi contoh terbaik, namun diperlakukan tanpa belas ihsan sehingga menggelapkan masa depan mangsa.

Bagaimanapun, tertuduh yang



Suspek dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Tinggi, semalam.

tidak diwakili peguam, merayu supaya hukuman ringan dikenakan ke atasnya dengan alasan perlu menanggung anak, keluarga selain membayar rumah dan kereta.

Zahilah kemudian menjatuhkan hukuman penjara 20 tahun dan 10 sebatan ke atas tertuduh.

“Walaupun tertuduh sudah berusia lebih 60 tahun dan tidak tertakluk pada hukuman sebatan rotan mengikut Seksyen 288 Kanun Prosedur Jenayah (CPC), namun mahkamah menjatuhkan

hukuman penjara 20 tahun dan 10 sebatan ke atas tertuduh,” katanya.

Mengikut fakta kes, ibu mangsa membuat laporan polis memaklumkan anaknya dirogol tertuduh yang juga bapa tiri dan suami kepada pengadu.

Siasatan dijalankan mendapati tertuduh mengadakan hubungan seks bersama mangsa secara paksaan dan juga meliwat selepas dia menjemput anak tirinya itu dari sekolah ketika pengadu tiada di rumah.